

PSM: Sokongan 70% Melayu penting untuk ke Putrajaya
Malaysiakini.com
October 23, 2010

Jalan menuju ke Putrajaya dibina di atas kepercayaan dan amanah 70 peratus orang Melayu peringkat bawahan yang masih berhempas pulas untuk memenuhi keperluan asas.

Dan kepercayaan ini tidak dapat dimenangi jika Pakatan Rakyat terus membangkitkan tentang istilah seperti 'meritokrasi' yang menakutkan orang Melayu yang masih merupakan sebahagian besar daripada 40 peratus masyarakat bawahan, kata ahli parlimen tunggal PSM, Dr Jeyakumar Devaraj (kanan).

"Dalam kawasan pilihan raya saya (di Sungai Siput) ada orang Melayu yang tidak mampu bayar bil elektrik dan ada yang tidak menyekolahkan anak kerana mereka tidak mampu membayar tambang bas.

"Anda bercakap tentang mengambil biasiswa (pelajar) Melayu, mereka bimbang. (Konsep) Malaysian Malaysia DAP menakutkan mereka," katanya dalam persidangan Sosialisme 2010 hari ini.

Tambahnya, apabila Pakatan Rakyat menyerang kuota

bumiputera - sebahagian besarnya kerana ia orang Melayu - tetapi menyerang mereka (orang berhempas pulas untuk

perjuangan kelas dan secara berbeza...Banyak dieksploitasi oleh katanya

Dalam kertas kerjanya di Dewan Perhimpunan Cina Jeyakumar mengatakan masyarakat Melayu dibahagikan kepada empat kelas - 70 peratus kelas bawahan Melayu, pekerja kelas menengah, kontraktor dan kelas korporat.

Bimbang tentang isu meritokrasi

Dari keempat-empat kelas tersebut, kontraktor Melayu juga bimbang tentang cakap-cakap mengenai meritokrasi, tegas Jeyakumar yang juga ahli pengasas PSM, kerana ia boleh mengakibatkan mereka kehilangan banyak peluang untuk mendapatkan kontrak kerajaan.

"Antara tahun 2005 dan 2010, projek bernilai RM1.2 bilion diberikan kepada kontraktor bumiputera kelas F.

"Apabila (Perdana Menteri Datuk Najib Tun Razak) bercakap tentang ketelusan dan tender terbuka, kumpulan ini tidak senang kerana mereka mungkin terpaksa berkongsi," katanya.



mengakibatkan segelintir mereka juga turut (Melayu) yang terpaksa hidup. "Fikirlah tentang tangani setiap kelas orang Melayu miskin yang kontraktor Melayu juga,"

persidangan PSM di Kuala Lumpur Selangor,



Menurut Jeyakumar, rasa tidak senang kumpulan tersebutlah yang diperjuangkan oleh PERKASA yang didakwa menjadi jurucakap kelas kontraktor Melayu.

"Untuk mendapatkan impaknya, mereka akan menggerakkan orang Melayu miskin dengan menggunakan hal-hal seperti Perkara 153 (perlembagaan persekutuan) dan Islam, dengan mengatakan ianya telah mencabar," katanya.

"Pilihan raya umum akan datang bergantung kepada sama ada Pakatan Rakyat dapat membuktikan bahawa mereka boleh dipercayai untuk meneruskan program-program bagi kemajuan (orang Melayu miskin)," katanya.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/146217>